

Piawaian Produktiviti

PENYELENGGARAAN

Landskap

Edisi Kedua

2

JABATAN LANDSKAP NEGARA
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan





Piawaiian **Produktiviti**
PENYELENGGARAAN LANDSKAP



JABATAN LANDSKAP NEGARA
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Diterbitkan oleh

Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan
Tingkat 7, 11 & 15, Plaza Permata-IGB
Jalan Kampar off Jalan Tun Razak
50400 Kuala Lumpur
Tel: 03-4047 0000 Faks: 03-4045 2415

Hakcipta © Penulisan

Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Hakcipta © Gambar

Jabatan Landskap Negara
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Editor

Mansor bin Mohamad
Siti Annural Balkis binti Mokhtar
Muhammad Zahri bin Adnin

Ahli Pasukan Kerja

Manogaran a /I Munisami; Jabatan Landskap Negara
Jasni bin Sabidin; Jabatan Landskap Negara
Adnan bin Baharuddin; Jabatan Landskap Negara
Haji Ismail bin Haji Ahmad; Majlis Perbandaran Seremban
Zuraidah binti Sainan; Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Willie Ngelai; Majlis Perbandaran Padawan
Azhar bin Abdullah; Perbadanan Putrajaya
Mohamad Norfadzly bin Mohd. Sharif; Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya
Salmah binti Aplanin; Dewan Bandaraya Kota Kinabalu
Juwita binti Abdul Jalil; Majlis Perbadaran Port Dickson
Nazry Syah Eshak; Majlis Bandaraya Johor Bharu
Richard Kennedy; Majlis Perbandaran Sandakan
Mohamad Benyamin Julaihi Khan; Dewan Bandaraya Kuching Utara
Ruhaila binti Abdul Rahman; Majlis Perbandaran Sepang
Hijaz bin Sanusi; Majlis Perbadaran Klang
Haji Ibrahim bin Haji Ahmad; Dewan Bandaraya Kuala Lumpur
Haji Mokhtar bin Abdul Rahman; Majlis Perbandaran Muar
Angela Swin; Majlis Perbandaran Sibul
Mat Seman bin Ibrahim; Majlis Perbandaran Kota Bharu
Meor Sharullizam bin Sulaiman; Jabatan Kerja Raya
Hashim bin Ismail; Persatuan Arboris Malaysia
Zailani bin Jamil; Persatuan Arboris Malaysia
Haji Amat Ramsa bin Yaman; Persatuan Arboris Malaysia

Hakcipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik rakaman atau cara lain tanpa izin pemilik terlebih dahulu.

Cetakan Kedua 2012

Perpustakaan Negara Malaysia Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan
Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap Edisi Kedua

ISBN 978-967-5375-13-2

Rekabentuk dan Grafik

dj inovatif sb. | adi > artduplex@gmail.com

Kandungan

Prakata	ii
Penghargaan	iii
Pendahuluan	
Pengurusan Landskap	iv
Pengurusan Penyelenggaraan Landskap	v
Spesifikasi Kerja Penyelenggaraan	vi
Piawaiian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap Edisi Kedua	vii
Skop dan Isi Kandungan Piawaiian	viii
Bahagian A	
Pengukuran Produktiviti Kerja Penyelenggaraan Landskap	
1.0 Memotong rumput	1
2.0 Kerja-kerja merumpai dan menggembur	2
3.0 Penyiraman	5
4.0 Memangkas Pokok Teduhan – Pemangkasan Pembersihan	7
5.0 Memangkas Bentuk dan Mengandam Pokok	9
6.0 Penyelenggaraan Palma Batang Tunggal	10
7.0 Penyelenggaraan Palma Berumpun	13
8.0 Pembajaan	16
9.0 Pembersihan Kawasan	19
10.0 Melupus Pokok Teduhan	20
11.0 Melupus Tunggul Pokok	21
12.0 Pengiraan Produktiviti Penyelenggaraan Landskap	22
13.0 Jentera dan Peralatan Penyelenggaraan Landskap	42
Bahagian B	
Mod Penyelenggaraan	
1.0 Mod Penyelenggaraan 1	52
2.0 Mod Penyelenggaraan 2	54
3.0 Mod Penyelenggaraan 3	56
4.0 Mod Penyelenggaraan 4	58
Lampiran	
Nota Kaki	60
Rujukan	61

Prakata



Landskap kini merupakan salah satu elemen pelengkap kepada gaya hidup kerana masyarakat sekarang semakin mencintai dan menghargai keindahan alam. Keindahan alam yang sempurna hanya dapat dicapai sekiranya sesuatu pembangunan landskap itu mempunyai sistem pengurusan hortikultur yang teratur dan sistematik. Pengurusan hortikultur yang sistematik adalah melibatkan kerja-kerja penyelenggaraan secara rutin, berkala dan berjadual bagi memastikan aset landskap terpelihara dan sesuatu pembangunan landskap sentiasa berada dalam keadaan baik, berfungsi, mampan dan selamat. Amalan hortikultur yang baik adalah meliputi penyelenggaraan pokok teduhan, palma, hiasan renek, hiasan annual, rumput dan tumbuhan semulajadi yang telah dikekalkan sebagai komponen dan aset taman. Antara kerja-kerja yang terlibat dalam aktiviti penyelenggaraan ini adalah pemetongan rumput, merumpai serta menggembur, penyiraman, pemangkasan, pembajaan, pembersihan kawasan dan kawalan perosak.

Penyelenggaraan yang dibuat secara rutin dan berkala serta sistematik mampu memastikan tujuan sesuatu rekabentuk atau pembangunan dapat dicapai tanpa sebarang kompromi. Dengan pembangunan yang terancang, sempurna dan lengkap secara tidak langsung membolehkan pengguna menikmati faedah daripada sesuatu pembangunan landskap. Malah kos pengurusan dan penyelenggaraan taman dapat dipastikan berada pada tahap yang berpatutan. Kejadian vandalism, tindakan merosak atau pemusnahan oleh pengunjung dapat dikurang serta dikawal sekiranya pihak berkuasa tempatan (PBT) memainkan peranan dengan sewajarnya di dalam hal yang berkaitan dengan pengurusan dan penyelenggaraan landskap.

Jabatan Landskap Negara melalui Bahagian Pengurusan Landskap telah membuat semakan serta penambahbaikan terhadap maklumat serta kadar harga yang terdapat di dalam Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap yang telah diterbitkan pada tahun 2008. Piawaian yang dibangunkan ini diharap dapat dijadikan panduan oleh agensi pelaksana terutama pihak berkuasa tempatan sebagai penanda aras dalam memastikan kualiti penyelenggaraan serta pengurusan landskap yang dilaksanakan.

A handwritten signature in black ink, appearing to be 'ESA BIN HAJI AHMAD'.

ESA BIN HAJI AHMAD
Ketua Pengarah
Jabatan Landskap Negara

Penghargaan

Jabatan Landskap Negara ingin merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pihak yang terlibat terutama pasukan kerja di dalam penyediaan Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap Edisi Kedua. Pasukan Kerja adalah terdiri daripada wakil-wakil Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Kerja Raya (JKR), Persatuan Arboris Malaysia (PArM) dan pegawai-pegawai Jabatan Landskap Negara yang sudi untuk berkongsi kepakaran, pengalaman, buah fikiran serta pandangan di dalam bidang penyelenggaraan landskap dalam usaha menambahbaik piawaian yang telah diterbitkan oleh Jabatan pada tahun 2008 yang lalu.

Penerbitan ini juga tidak akan menjadi kenyataan tanpa sokongan padu dan buah fikiran daripada pasukan penyelaras yang terdiri daripada pegawai-pegawai daripada Jabatan Landskap Negara. Mereka adalah terdiri daripada Yang Berusaha Tuan Haji Mohd Taib bin Haji Zin; Timbalan Ketua Pengarah Cawangan Dasar dan Pengurusan Landskap, Encik Manogaran a /I Munisami; mantan Pengarah Bahagian Pengurusan Landskap, Encik Mansor bin Mohamad; Pengarah Bahagian Pengurusan Landskap, Puan Siti Annural Balkis binti Mokhtar; Penolong Pengarah, Encik Vickson E. Tabak, mantan Penolong Arkitek Landskap Kanan, Encik Badrul Isham bin Ab'llah @ Ariffin dan Encik Muhammad Zahri bin Adnin; Penolong Arkitek Landskap.

Penghargaan ini juga ditujukan kepada orang perseorangan yang tidak disenaraikan tetapi telah memberikan sumbangan serta buah fikiran yang tidak ternilai bagi menyiapkan Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap Edisi Kedua ini.

Pendahuluan

PENGURUSAN LANDSKAP

Di dalam pembangunan sesebuah kawasan landskap seperti taman awam, taman poket, legaran bandar dan *promenade* ia melibatkan empat fasa kitaran proses yang sangat penting. Fasa kitaran proses tersebut adalah fasa perancangan, fasa rekabentuk, fasa pembangunan dan fasa pengurusan kawasan landskap. Pengabaian atau pelaksanaan salah satu dari kitaran pembangunan ini dengan tidak menyeluruh akan mengakibatkan kegagalan kepada fungsi pembangunan kawasan tersebut. Kegagalan tersebut diterjemahkan dalam bentuk orang awam tidak mendapat manfaat, kawasan landskap akan terbiar dan menjadi ancaman kepada keselamatan awam.

Pengurusan landskap yang komprehensif adalah satu fasa penting untuk menjamin kelastrian pembangunan di kawasan landskap tersebut. Pengurusan landskap boleh ditakrifkan sebagai menggunakan sumber-sumber pengurusan iaitu tenaga kepakaran pekerja, kaedah pelaksanaan, bahan atau input, jentera serta peralatan dan peruntukan kewangan secara bijaksana untuk mencapai tujuan akhir pembangunan kawasan landskap. Bagi pengurusan landskap, tujuan akhir ialah memastikan bahawa objektif jangka masa panjang Arkitek Landskap atau perekabentuk landskap dan pelanggan atau orang awam dapat dicapai dan landskap yang dibangunkan dapat matang dalam keadaan yang memuaskan.

Empat aspek penting dalam pengurusan kawasan landskap yang komprehensif adalah:

i. Pengurusan Penyelenggaraan

Memastikan aktiviti penyelenggaraan kawasan landskap dilaksanakan secara berterusan bagi menjamin kemampunan dan keselamatan kawasan landskap.

ii. Pengurusan Keselamatan

Memastikan kawasan landskap adalah selamat digunakan dengan melaksanakan aktiviti pemantauan risiko secara berkala dan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan penggunaan kawasan.

iii. Pengurusan Aktiviti Pengguna

Menguruskan aktiviti rekreasi dan riadah terutama di dalam kawasan taman-taman awam bagi memenuhi kehendak pelbagai golongan pengguna. Pulangan ekonomi dari pembangunan dan pengurusan kawasan landskap perlu dipertimbangkan dalam kerangka pengurusan aktiviti pengguna.

iv. Pengurusan Aduan Awam

Kawasan landskap seperti mana lain-lain kemudahan awam terdedah kepada pelbagai konflik dan pemasalahan yang boleh mengundang ketidakpuasan hati pengguna. Oleh yang demikian adalah perlu satu mekanisma yang cekap untuk menerima dan menangani masalah-masalah yang diutarakan sebagai aduan awam supaya dapat diatasi secara berkesan.

PENGURUSAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Penyelenggaraan landskap adalah aktiviti menjaga, menyelenggara dan membaikpulih komponen-komponen landskap selepas siap dibina. Penyelenggaraan landskap yang berkesan dapat meningkatkan imej kawasan, menghasilkan keadaan yang selamat, berfungsi dan menyeronokkan kepada pengguna, disamping mencapai gagasan 'value for money' dari pelaburan yang telah dibuat semasa membangunkan kawasan landskap.

Penyelenggaraan landskap memerlukan kemahiran dan kepakaran sama ada kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan secara dalaman oleh kakitangan sendiri (*in house*) atau dilaksanakan oleh pihak kontraktor (*out source*). Seorang penyelia misalnya perlu mempunyai kemahiran terhadap semua aspek kerja-kerja penyelenggaraan landskap supaya boleh mengenalpasti masalah, mencari jalan penyelesaian dan memberi arahan secara berkesan untuk mengatasi masalah kerja-kerja penyelenggaraan landskap yang kompleks. Seorang pekerja pula mesti mempunyai kepakaran dalam melaksanakan kerja penyelenggaraan sama ada kerja-kerja tersebut bersifat rutin, berkala atau membaikpulih.

Dalam kawasan landskap, kerja-kerja penyelenggaraan boleh dibahagikan kepada tiga (3) jenis yang utama iaitu:

i. Penyelenggaraan Hortikultur

Adalah amalan hortikultur hiasan (*amenity horticulture*) yang baik meliputi penyelenggaraan pokok teduhan, palma, hiasan renek, hiasan semusim (*annual*), rumput turf dan tumbuhan semulajadi yang telah dikekalkan sebagai komponen landskap. Kecekapan pengurusan untuk memanipulasikan tiga (3) faktor utama iaitu pengawalan air melalui amalan penyiraman, takat kesuburan tanah melalui amalan pembajaan dan kerja-kerja pemangkasan menjadi asas keberkesanan kerja-kerja penyelenggaraan hortikultur.

Penyelenggaraan hortikultur merupakan aspek yang sangat kritikal dalam penjagaan kawasan landskap kerana walaupun ianya kelihatan mudah dan murah bagi setiap unit kerja, program penyelenggaraan tersebut perlu dilaksanakan hampir setiap hari. Ia melibatkan mobilisasi sumber, kecekapan teknikal dan kreativiti bagi mencapai hasrat rekabentuk.

Aktiviti penyelenggaraan landskap lembut yang lazim dilaksanakan adalah penyiraman, pembajaan, pemangkasan dan andaman pokok, merumpai dan mengembur tanah, kawalan musuh perosak dan pematongan rumput.

ii. Penyelenggaraan Struktur

Pemeriksaan dan pembaikan kemudahan seperti wakaf, tempat duduk, laluan pejalan kaki, sistem pencahayaan dan lampu taman, air pancutan, peralatan permainan kanak-kanak dan lain-lain. Penyelenggaraan struktur bertujuan untuk memastikan kemudahan berfungsi, selamat digunakan dan bertahan lama.

Penyelenggaraan dilaksanakan mengikut jenis bahan binaan, manual pengeluaran produk atau mengikut tatacara penyelenggaraan yang digunapakai oleh pihak berkuasa tempatan. Pemeriksaan secara visual hendaklah dilakukan secara berjadual bagi mengesan segala perubahan luaran yang boleh dilihat. Pemeriksaan lanjut dan pembaikan perlu dilakukan bagi komponen yang melibatkan kepakaran teknikal bagi memastikan elemen-elemen yang membina struktur adalah selamat.

iii. Pembersihan Kawasan

Pembersihan kawasan taman atau landskap merangkumi kerja-kerja membersihkan kawasan berumput, permukaan berturap, batas-batas tanaman, kotak tanaman dan lain-lain struktur binaan daripada sampah-sarap, dedaun, sisa tanaman dan apa juga yang tidak menyenangkan mata memandangi. Kerja pembersihan kawasan merupakan rutin harian yang perlu dilakukan supaya kawasan kelihatan bersih, kemas dan selamat digunakan.

Selain itu skop kerja pembersihan kawasan juga melibatkan kerja-kerja pembersihan kemudahan asas yang terdapat dalam kawasan landskap seperti pembersihan tandas, pondok pengawal, longkang, tong sampah, badan air seperti tasik dan lain-lain.

SPESIFIKASI KERJA PENYELENGGARAAN

Spesifikasi adalah satu pernyataan teknikal yang disedia dan dirujuk dalam proses perolehan dan kontrak. Ia menyediakan perincian berkaitan bekalan, perkhidmatan atau kerja yang hendak dilaksanakan. Oleh kerana spesifikasi merupakan alat dalam proses perolehan maka ia merupakan satu pernyataan yang bersifat perundangan, menjadi panduan dalam mobilisasi sumber pengurusan dan penentuan kos, di samping menjadi alat komunikasi antara pihak yang memerlukan dan menawarkan perkhidmatan atau kerja.

Spesifikasi kerja penyelenggaraan landskap yang terperinci merupakan aspek yang penting bagi memastikan kerja-kerja penyelenggaraan dibuat dengan sempurna dan sistematik. Spesifikasi kerja merupakan satu dokumen yang dirujuk oleh pihak kontraktor sebelum dan semasa menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan. Spesifikasi kerja menyatakan dengan jelas skop kerja, kaedah pelaksanaan, penunjuk prestasi yang perlu dicapai oleh pihak kontraktor, kadar kekerapan dan sebagainya. Sebelum kerja-kerja penyelenggaraan dilaksanakan, spesifikasi kerja dirujuk oleh pihak kontraktor bagi merancang kerja-kerja penyelenggaraan yang bakal dilaksanakan. Perancangan kerja perlu dibuat dengan teliti kerana ia akan melibatkan bilangan pekerja yang terlibat, masa bekerja, program kerja serta kos. Semasa kerja penyelenggaraan dilaksanakan di tapak, spesifikasi perlu dirujuk bagi memastikan kualiti kerja yang dilaksanakan adalah mencapai tahap optimum yang ditetapkan pada peringkat awal.

PIAWAIAN PRODUKTIVITI PENYELENGGARAAN LANDSKAP EDISI KEDUA

Piawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap Edisi Kedua merupakan penambahbaikan kepada piawaian yang telah diterbitkan oleh Jabatan pada tahun 2008. Penambahbaikan ini turut mengambilkira semakan maklumat serta kadar harga yang dinyatakan di dalam piawaian yang terdahulu.

Secara umum, pembangunan piawaian ini merupakan usaha Jabatan Landskap Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk memastikan amalan profesionalisma dalam perancangan, pembangunan dan pengurusan landskap dipatuhi dalam setiap pembangunan landskap di Malaysia. Di samping itu, penerbitan ini juga akan menyokong kepada pembangunan sumber teknologi dan maklumat landskap negara.

Secara khusus, adalah diharapkan dengan penerbitan piawaian kali kedua ini dapat dijadikan sebagai panduan asas kepada semua agensi pelaksana terutama sekali pihak berkuasa tempatan (PBT) sama ada untuk melaksanakan kerja-kerja penyelenggaraan atau memantau kerja-kerja penyelenggaraan yang dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik. Selain itu, piawaian ini juga boleh dijadikan sebagai rujukan kepada kontraktor dan individu yang terlibat secara langsung dengan pembangunan landskap dalam memastikan kualiti penyelenggaraan landskap dapat dicapai sepertimana yang dirancang pada peringkat awal.

SKOP DAN ISI KANDUNGAN PIAWAIAN

Piawaian ini memberi tumpuan kepada pengukuran produktiviti kerja-kerja penyelenggaraan hortikultur hiasan dan pembersihan kawasan. Isi kandungan piawaian ini merangkumi dua bahagian utama iaitu:

Bahagian A : Pengukuran Produktiviti Penyelenggaraan Landskap

- Bahagian ini mengandungi data-data pengukuran produktiviti kerja untuk menyiapkan sesuatu tugas penyelenggaraan di mana pengukuran dibuat untuk pelbagai kawasan atau skim landskap
- Merangkumi skop dan spesifikasi kerja untuk kerja-kerja pemotongan rumput, merumpai, menggembur, menyiram, memangkas pokok teduhan, memangkas bentuk dan mengandam pokok, penyelenggaraan palma, pembajaan, pembersihan kawasan dan kerja melupus pokok teduhan.

Bahagian B : Mod Penyelenggaraan

- Bahagian ini menyenaraikan kaedah-kaedah penyelenggaraan untuk empat (4) mod atau kualiti penyelenggaraan
- Merangkumi kaedah penyelenggaraan hortikultur untuk rumput turf, pokok teduhan dan hiasan, kerja-kerja sungkupan, penyulaman dan penyelenggaraan landskap kejur.

Pengukuran

PENYELENGGARAAN

Landskap

JABATAN LANDSKAP




SKOP DAN SPESIFIKASI KERJA PENGUKURAN PRODUKTIVITI KERJA PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
1	Memotong rumput Ketinggian potongan tidak lebih 25mm dari tanah dan kawasan yang dibersihkan	i. Kawasan Lapang	Tractor mower with vacuum	1 orang pekerja	12.0 mhr / ha 12.0 mhr / 10,000 m ²	mhr: man hour ha: hektar 1 ha = 10,000 m ² ● Pemotongan rumput perlu dilakukan setiap 15 hari ● Jika musim hujan, pemotongan perlu dilakukan dengan lebih kerap
			Mesin tolak (lawn mower) tanpa vacuum	-sda-	16.0 mhr / ha 16.0 mhr / 10,000 m ²	
			Mesin tolak (lawn mower) dengan vacuum	-sda-	20.0 mhr / ha 20.0 mhr / 10,000 m ²	
			Mesin sandang (tangsi)	-sda-	24.0 mhr / ha 24.0 mhr / 10,000 m ²	
			Mesin sandang (blade)	-sda-	25.0 mhr / ha 25.0 mhr / 10,000 m ²	
			Mesin sandang (tangsi)	-sda-	25.0 minit / 100m ²	
		ii. Bahu, pembahagi, pinggir jalan (anggaran kelebaran 1.0 m)	Mesin sandang (blade)	-sda-	40.0 minit / 100m ²	
			Flymower	-sda-	85.0 minit / 100m ²	
			Mesin sandang (tangsi)	-sda-	32.0 minit / 100m ²	
		iii. Lereng bukit	Mesin sandang (blade)	-sda-	35.0 minit / 100m ²	
			Mesin sandang (tangsi)	-sda-	15.0 minit / 100m ²	
		iv. Kawasan berumput di pusat bandar	Mesin sandang (tangsi)	-sda-	15.0 minit / 100m ²	
Mesin sandang (blade)	-sda-		15.0 minit / 100m ²			

Bil.	Bidang /Skop Kerja	Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
2	Kerja-kerja merumpai dan menggembur					
2a.	Untuk Pokok Teduhan dan Palma Membersihkan rumpai dan menggembur perlu dibuat pada jejari minimum 500 mm dari pangkal pokok dan tanah perlu digemburkan pada kedalaman 50 mm (rujuk Rajah 1a dan 1b). Secara manual di mana semua rumpai, sampah, bahan buangan dan lain-lain bahan perlu dibuang semasa membuat kerja merumpai. Rumpai perlu dicabut atau ditarah untuk membuang akarnya. Masukkan rumpai dan semua bahan buangan ke dalam beg plastik dan membuangnya di kawasan yang ditetapkan. Mengemas semula kawasan dengan memastikan kawasan bersih daripada sebarang kotoran.	<p>i. Pokok Teduhan Biasa (<i>Standard landscape plant</i>)</p> <p>ii. Pokok Teduhan Segera (<i>Instant landscape plant</i>)</p> <p>iii. Palma Batang Tunggal (<i>Single Stem Palm</i>)</p> <p>iv. Palma Berumpun (<i>Multiple Stem Palm</i>-0.5m garis pusat)</p>	<p>Peralatan yang sesuai seperti tajak dan sudip (<i>handfork</i>)</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p>	<p>1 orang pekerja</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p>	<p>5.0 – 10.0 min /pokok</p> <p>12.0 – 18.0 minit /pokok</p> <p>5.0 – 10.0 minit /pokok</p> <p>5.0 – 10.0 minit /rumpun</p>	<p>Kekerapan merumpai dan menggembur pokok teduhan dan palma:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● sebulan sekali ● mengikut keperluan dan pertumbuhan pokok teduhan dan palma ● keperluan merumpai dan menggembur akan berkurangan mengikut kematangan pokok teduhan dan palma

Gambarajah : Kerja Merumpai dan Menggembur Pokok Teduhan



Rajah 1b – kerja merumpai dan menggembur pokok teduhan menunjukkan jejari dan kedalaman kawasan kerja

Pelan Rajah 1a


Bil.	Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
2b.	<p>Untuk Pokok Renek Merumpai perlu dibuat pada minimum 150mm jejari dari pangkal pokok dan tanah perlu digemburkan pada kedalaman 50mm. Sampah, bahan buangan dan lain-lain perlu dibuang semasa kerja merumpai dibuat. Rumpai perlu dicabut atau ditarah untuk membuang akarnya. Masukkan rumpai dan semua bahan buangan ke dalam beg plastik dan membuangnya di kawasan yang ditetapkan.</p>	<p>v. Renek – pokok individu.</p> <p>vi. Renek – pokok kelompok.</p>	Tajak dan keri	1 orang pekerja	<p>1.0 – 3.0 minit /pokok</p> <p>120 -360 pokok /hari</p> <p>1.0 – 3.0 minit /mr pokok berkelompok</p>	<p>mr. meter run</p> <p>Kekerapan merumpai dan menggembur pokok renek:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● sebulan sekali
2c.	<p>Untuk Penutup Bumi Membersihkan kawasan supaya bebas daripada rumpai.</p>	<p>vii. Renek – pokok komposisi</p>	-sda-	-sda-	3.0 – 5.0 minit /mr komposisi pokok	<p>Kekerapan merumpai dan menggembur penutup bumi:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● sebulan sekali
2d.	<p>Untuk Buluh Membersihkan kawasan supaya bebas daripada rumpai.</p>	<p>ix. Buluh batang tunggal (<i>Single Stem</i>)</p> <p>x. Buluh berumpun (<i>Multiple stem - 0.5 m diameter</i>)</p>	<p>Cabut dengan tangan atau guna peralatan yang bersesuaian.</p> <p>Peralatan yang sesuai seperti tajak dan sudip (<i>handfork</i>)</p> <p>Peralatan yang sesuai seperti tajak dan sudip (<i>handfork</i>)</p>	-sda-	<p>5.0 – 10.0 minit /m² (sederhana)</p> <p>3.0 – 5.0 minit /pokok</p> <p>4.0 – 5.0 minit /perdu</p>	<p>Kekerapan merumpai dan menggembur buluh:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● sebulan sekali

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
3	Penyiraman					
3a.	Untuk Pokok Teduhan Siraman dibuat pada pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok digenangi air dan membasahi tanah minimum 150 mm dalam.	Pokok Teduhan	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa) Lori tangki (dengan getah penyiram berukuran 50 mm diameter)	1 orang pekerja -sda-	1.0 – 3.0 minit /pokok 24.0 – 30.0 saat /pokok	Kuantiti air dan kekerapan penyiraman adalah bergantung kepada spesies tanaman, jenis tanah dan keadaan cuaca.
3b.	Untuk Pokok Palma Siraman dibuat pada pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok digenangi air dan membasahi tanah minimum 150 mm dalam.	Palma	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa) Lori tangki (dengan getah penyiram berukuran 50 mm diameter)	-sda- -sda-	1.0 – 3.0 minit /pokok 24.0 – 30.0 saat /pokok	
3c.	Untuk Pokok Renek Siraman dibuat pada pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok digenangi air dan membasahi tanah minimum 100 mm dalam.	Pokok Renek berkemposisi	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa) Lori tangki (dengan getah penyiram berukuran 50 mm diameter)	-sda- -sda-	50.0 minit / 100m ² 30.0 minit / 100m ²	
3d.	Untuk Penutup Bumi Siraman dibuat pada pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok digenangi air dan membasahi tanah minimum 50 mm dalam.	Penutup bumi	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> hose serta tekanan air yang biasa)	-sda-	25.0 minit / 100m ²	

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
3e.	Untuk Pokok Pemanjat dan Pasu. Siraman dibuat pada pangkal pokok sehingga tanah sekitar pokok digenangi air dan membasahi tanah minimum 100 mm dalam.	Pokok Pemanjat	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa)	1 orang pekerja	3.0 saat – 1.0 minit / pokok	Kuantiti air dan kekerapan penyiraman adalah bergantung kepada spesies tanaman, jenis tanah dan keadaan cuaca.
		Pasu gantung	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa) Lori tangki (dengan getah penyiram berukuran 50 mm diameter)	-sda-	30.0 saat / pasu 15.0 saat / pasu	
		Pasu	Getah penyiram (20 mm saiz <i>garden hose</i> serta tekanan air yang biasa)	-sda-	Saiz pasu <300mm (12") 1.0 minit / pasu Saiz pasu 300 – 450mm (12" – 15") 2.0 minit / pasu Saiz pasu > 15" 3.0 minit / pasu	

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Bil. Pekerja	Pengukuran Masa	Catatan
4	<p>Memangkas Pokok Teduhan – Pemangkasan Pembersihan</p> <p>Membuang dahan-dahan berisiko bagi mengurangi bahaya akibat kegagalan dahan dan menghadkan pergerakan agen perpeputan. Dengan melakukan pembersihan silara, pokok akan menjadi kemas, cantik dan mempunyai nilai estetik tinggi. Sisa cantasan perlu dibersihkan dari tapak. (rujuk Rajah 2a)</p>	<p>i. Intensiti Kerja Rendah</p> <p>Diameter pokok 300mm dan ketinggian keseluruhan pokok tidak lebih daripada 6 meter</p> <p>ii. Intensiti Kerja Sederhana</p> <p>Diameter pokok di antara 300 – 450mm dan ketinggian keseluruhan pokok di antara 6 – 10 meter</p> <p>iii. Intensiti Kerja Tinggi</p> <p>Diameter pokok di antara 450 – 600m dan ketinggian keseluruhan pokok di antara 10 – 18 meter</p> <p>iv. Intensiti Kerja Lebih Tinggi</p> <p>Diameter pokok lebih daripada 600m dan ketinggian keseluruhan pokok lebih daripada 18 meter</p>	<p>1 <i>skylift</i>, 1 <i>shredder</i>, lori 3 tan, alat komunikasi, alat keselamatan</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p>	<p>10 orang pekerja: 1 penyelia 2 pekerja mahir 2 separa mahir 3 pekerja am 2 penjaga trafik</p> <p>-sda-</p> <p>-sda-</p>	<p>18.0 minit /pokok = 20 pokok / hari</p> <p>36.0 minit /pokok = 10 pokok / hari</p> <p>51.0 minit /pokok = 7 pokok / hari</p> <p>2.0 jam /pokok = 3 pokok / hari</p>	<p>Jenis-jenis pemangkasan:</p> <ul style="list-style-type: none"> ● pemangkasan pokok muda ● pemangkasan pembersihan ● pemangkasan penjarangan ● pemangkasan menyingkap ● pemangkasan merendah ● pemangkasan membaikpilih ● pemangkasan palma <p>Pengukuran kadar masa bergantung kepada intensiti kerja serta lokasi, keadaan dan fizikal pokok di tapak.</p> <p>Maklumat terperinci mengenai kaedah dan jenis pemangkasan boleh rujuk kepada Manual Pemangkasan Pokok Arمني</p>

Gambarajah : Memangkas Pokok Teduhan – Pemangkasan Pembersihan



Rajah 2a – Membuang dahan-dahan berisiko bagi mengurangi bahaya akibat kegagalan dahan dan menghadkan pergerakan agen peretakan.

Rajah 2b – selepas melakukan pembersihan silara, pokok akan menjadi kemas, cantik dan mempunyai nilai estetik tinggi.

Nota: Saiz diameter pokok dan ketinggian keseluruhan pokok menentukan jenis intensiti kerja pemangkasan

Bil.	Bidang /Skop Kerja	Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
5	Memangkas Bentuk dan Mengandam Pokok Secara manual bagi membuang tunas air, ranting mati atau patah, daun kering dan membuang bunga atau buah yang telah kering atau matang. Sisa cantasan hendaklah dibersihkan dari tapak dan dibuang ke tempat yang ditetapkan.	i. Renek	<i>Hedge trimmer</i> <i>Gunting tanaman (hand pruner)</i> <i>Looper</i>	1 orang pekerja -sda- -sda- -sda-	1.0 minit /pokok 2.0 minit /pokok 3.0 minit /pokok	
		ii. Pagaran – Memangkas kelebaran 0.5m	<i>Hedge trimmer</i>	-sda-	2.0 minit /mr	
		iii. Pagaran – Memangkas bentuk	<i>Hedge trimmer</i>	-sda-	6.0 minit /mr	
		iv. Penutup bumi	Mesin sandang (blade) <i>Pruning shear</i>	-sda- -sda-	1.0 minit /m ² 2.0 minit /m ²	
		iv. Topiari (saiz bebola 300mm diameter)	<i>Pruning shear</i> atau <i>Hedge trimmer</i>	-sda-	3.0 – 5.0 minit /pokok	1 pokok mempunyai 3 hingga 5 bebola
		v. Topiari (saiz bebola 500mm diameter)	<i>Pruning shear</i> atau <i>Hedge trimmer</i>	-sda-	5.0 - 10.0 minit /pokok	1 pokok mempunyai 3 hingga 5 bebola
vi. Topiari (saiz bebola 1000mm diameter)	<i>Pruning shear</i> atau <i>Hedge trimmer</i>	-sda-	10.0 - 15.0 minit /pokok	1 pokok mempunyai 3 hingga 5 bebola		

Bil. Bidang / Skop Kerja

6 Penyelenggaraan Palma

Batang Tunggal

Membuang pelepah kering, patah, membuang buah atau tandan buah jika perlu. Sisa cantasan hendaklah dibersihkan dari tapak dan dibuang ke tempat yang ditetapkan.

Skop Kerja	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
		Bil. Pekerja	Masa	
i. Pelepah terakhir dipotong kurang dari 3.0m (rujuk Rajah 4a).	Gunting tanaman (<i>Hand pruner</i>)	1 orang pekerja	10.0 minit /pokok	Pelepah yang berkedudukan berjuntai pada sudut yang melebihi 45 darjah sahaja yang sesuai untuk dibuang
	<i>Extended hand pruner</i>	-sda-	8.0 minit /pokok	
	Gergaji yang bersesuaian	-sda-	5.0 minit /pokok	
	Perejang (chop dan sabit)	-sda-	5.0 minit /pokok	
ii. Pelepah terakhir dipotong lebih daripada 6.0m (rujuk Rajah 4b).	<i>Sky-lif & hand pruner light chain-saw</i>	-sda-	15.0 – 30.0 minit /pokok	


Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 4a – Penyelenggaraan palma batang tunggal dimana pelepah terakhir dipotong kurang dari 3 meter

Rajah 4a – Selepas pemangkasan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 4b – Penyelenggaraan palma batang tunggal di mana pelepah terakhir dipotong kurang dari 6 meter

Rajah 4b – Selepas pemangkasan

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Skop Kerja	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
				Bil. Pekerja	Masa	
7	Penyelenggaraan Palma Berumpun Membuang anak tunas (<i>sucker</i>) yang tidak dikehendaki dan membuang pelepah atau daun yang kering atau patah. Sisa cantasan hendaklah dibersihkan dari tapak dan dibuang ke tempat yang ditetapkan.	i. Saiz satu rumpun 0.5m diameter (rujuk Rajah 5a).	Gunting tanaman (<i>Hand pruner</i>) dan perejang (<i>Chop</i>)	1 orang pekerja	6.0 minit /rumpun	
		ii. Saiz satu rumpun 0.5 - 1.0m diameter (rujuk Rajah 5b).	Gunting tanaman (<i>Hand pruner</i>) dan perejang (<i>Chop</i>)	-sda-	10.0 minit /rumpun	

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 5b – Penyelenggaraan palma batang tunggal dimana pelepah terakhir dipotong melebihi dari 0,5 meter

Rajah 5b – Selepas penyelenggaraan

Gambarajah : Penyelenggaraan Palma



Rajah 5b – Penyelenggaraan palma berumpun di mana saiz rumpun antara 0.5 – 1.0 meter diameter

Rajah 5b – Selepas penyelenggaraan

Bil.	Bidang / Skop Kerja	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan	
			Bil. Pekerja	Masa		
8	Pembajaan	Skop Kerja i. Pokok Teduhan ii. Palma iii. Renek iv. Penutup bumi v. Rumpun dan turf	Secara poket dengan min. 5 poket bagi setiap pokok (rujuk Rajah 6a dan 6b).	1 orang pekerja	3.0 – 5.0 minit /pokok	Keperluan membaja bergantung kepada spesies tanaman, jenis dan kandungan PH (keasidan atau kealkalian) tanah. Pembajaan asas menggunakan baja NPK 15:15:15. Pastikan baja sentiasa kering dan elok
			Taburan (<i>Broad-casting</i>)	-sda-	1.0 minit /pokok	
			i. Secara alur (<i>trenching</i>) min. 1mr menggunakan cangkul dan tajak (rujuk Rajah 6c). ii. Secara tabur (rujuk Rajah 6d dan 6e) iii. Semburan daun (<i>Foliar spray</i>)	-sda-	3.0 minit /mr	
				-sda-	1.0 minit /m ²	
				-sda-	10.0 saat /m ²	
	i. Secara tabur (<i>Broad-casting</i>) ii. Semburan daun (<i>Foliar spray</i>)	-sda-	1.0 minit /m ²	10.0 saat /m ²		
	i. Secara tabur (<i>Broad-casting</i>) ii. Semburan daun (<i>Foliar spray</i>)	-sda-	1.0 minit /m ²	10.0 saat /m ²		


Gambarajah : Pembajaan Pokok Teduhan



Pelan Rajah 6a – Pembajaan secara poket pokok teduhan

Rajah 6b – Kedudukan lubang pembajaan

Gambarajah : Pembajaan Pokok Renek



Rajah 6d – Pembajaan secara tabur terus pokok renek berkelompok

Rajah 6e – Pembajaan secara tabur terus pokok renek tunggal

Bil. Bidang / Skop Kerja

9 **Pembersihan Kawasan**

Semua bendasing seperti sampah, daun kering, ranting kayu, kertas, plastik, batu dan sebagainya di kawasan landskap disapu, dikumpul, dimasukkan dalam bag plastik dan dibuang di kawasan yang ditetapkan.

Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
		Bil. Pekerja	Masa	
i. Kawasan berumput / bertanam.	Penyapu dan pencakar	1 orang pekerja	20.0 minit / 100m ²	Kekerapan pembersihan kawasan adalah setiap hari atau mengikut keperluan
	Air-blower / air vacuum	-sda-	10.0 minit / 100m ²	
	Penyapu	-sda-	15.0 minit / 100m ²	
	Air-blower	-sda-	10.0 minit / 100m ²	
ii. Kawasan berturap (jalan, siar kaki dll).	Portable road sweeper	-sda-	4.0 minit / 100m ²	
	Beach comber	-sda-	5.0 minit / 100m ²	
iii. Kawasan pantai.	Penyapu dan pencakar	-sda-	13.0 minit / 100m ²	

Bil. Bidang / Skop Kerja

10 **Melupus Pokok Teduhan**
 Memotong pokok teduhan dan membuang tunggul sehingga ke paras tanah. Sisa potongan hendaklah dibersihkan dari tapak dan dibuang ke tempat yang ditetapkan.

Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
		Pengukuran	Unit	
i. Pinggir Jalan	1 skylift 1 lori 5 tan 5 pekerja 3 nos. chain saw 2 nos. parang	Ukur liit(m)	Masa	Ukuran masa sama macam pinggir jalan
		0.30 – 0.50m	20.0 minit	
		0.51 – 1.00m	30.0 minit	
		1.01 – 1.50m	2 jam 30 minit	
		1.51 – 2.00m	3.0 jam	
		2.01 – 2.50m	5.0 jam	
		2.51 – 3.00m	6.0 jam	
		3.01 – 3.50m	12.0 jam (2 hari)	
		3.51 – 4.00m	15.0 jam (2 ½ hari)	
		4.01 – 4.50m	18.0 jam (3 hari)	
ii. Kawasan Lapang	1 skylift 1 lori 5 tan 5 pekerja 3 nos. chain-saw 2 nos. parang	Ukur liit(m)	Masa	Ukuran masa sama macam pinggir jalan
		0.30 – 0.50m	20.0 minit	
		0.51- 1.00m	30.0 minit	
		1.01 – 1.50m	2 jam 30 minit	
		1.51 – 2.00m	3.0 jam	
		2.01 – 2.50m	5.0 jam	
		2.51 – 3.00m	6.0 jam	
		3.01 – 3.50m	12.0 jam (2 hari)	
		3.51 – 4.00m	15.0 jam (2 ½ hari)	
		4.01 – 4.50m	18.0 jam (3 hari)	
4.51m ke atas	24.0 jam (4 hari)			

Bil. Bidang / Skop Kerja

11 **Melupus Tunggul Pokok**

Membongkar tunggul kayu (kedalaman tunggul kurang daripada 300mm) dan akar serta meratakan tanah sehingga ke aras sedia ada dengan kemas penanaman pokok.

Kawasan	Mesin / Alat / Kaedah	Pengukuran		Catatan
		Pengukuran	Unit	
i. Pinggir Jalan	1 no. <i>backhoe</i> 1 lori 5 tan 3 pekerja 1 nos. <i>chain saw</i>	Ukur lilit(m)	Masa	
		0.30 – 0.50m	1.0 jam	
		0.51 – 1.00m	1 jam 30 minit	
		1.01 – 1.50m	2 jam 30 minit	
		1.51 – 2.00m	3.0 jam	
		2.01 – 3.00m	5.0 jam	
		3.01 – 3.50m	7.0 jam	
		3.51 – 4.00m	10.0 jam	
		4.01 – 4.50m	15.0 jam	
		4.51m ke atas	20.0 jam	
ii. Kawasan Lapang	1 no. <i>backhoe</i> 1 lori 5 tan 3 pekerja 1 nos. <i>chain saw</i>	Ukur lilit(m)	Masa	
		0.30 – 0.50m	30 minit	
		0.51- 1.00m	1 jam	
		1.01 – 1.50m	1 jam 30 minit	
		1.51 – 2.00m	2.0 jam	
		2.01 – 2.50m	3.0 jam	
		2.51 – 3.00m	4.0 jam	
		3.01 – 3.50m	5.0 jam	
		3.51 – 4.00m	6.0 jam	
		4.01 – 4.50m	7.0 jam	
4.51m ke atas	8.0 jam			



Pengiraan PENYELENGGARAAN Landskap

Pengiraan



PENGIRAAN PRODUKTIVITI PENYELENGGARAAN LANDSKAP

Contoh 1 – Pemotongan rumput dengan kadar produktiviti seperti berikut;

Bidang / Skop Kerja	Kawasan	Mesin / Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
			Bil. Pekerja	Masa	
<p>Memotong rumput Ketinggian potongan tidak lebih 25mm dari tanah dan kawasan dibersihkan</p>	i. Kawasan Lapang	Tractor mower with vacuum	1 orang pekerja	12.0 mhr /ha	mhr: man hour ha: hektar

- i. Kadar produktiviti
- ii. Tempoh masa bekerja sehari
- iii. Tempoh masa produktif sehari
- iv. Tempoh menyiapkan kerja

: 12.0 mhr /ha
 : 8 jam
 : 6 jam (setelah ditolak masa rehat dan lain-lain selama 2 jam)

: $\frac{\text{Kadar produktiviti}}{\text{Masa produktiviti sehari}}$

: $\frac{12.0 \text{ mhr /ha}}{6 \text{ jam}}$

= 2 hari /ha

ini bermakna untuk menyempurnakan kerja memotong rumput di kawasan lapang menggunakan tractor mower with vacuum dengan seorang pekerja bagi keluasan 1 hektar mengambil masa selama 2 hari

Contoh 2 – Pemotongan rumput dengan kadar produktiviti seperti berikut;

Bidang /Skop Kerja	Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah		Pengukuran		Catatan
		Bil. Pekerja	Masa	Bil. Pekerja	Masa	
ii. Memotong rumput Ketinggian potongan tidak lebih 25mm dari tanah dan kawasan dibersihkan	ii. Kawasan Lapang	Mesin sandang (blade)	1 orang pekerja	24.0 mhr /ha	mhr: man hour ha: hektar	

- i. Kadar produktiviti
- ii. Tempoh masa bekerja sehari
- iii. Tempoh masa produktif sehari
- iv. Tempoh menyiapkan kerja

: 24.0 mhr /ha
 : 8 jam
 : 6 jam (setelah ditolak masa rehat dan lain-lain selama 2 jam)

: $\frac{\text{Kadar produktiviti}}{\text{Masa produktiviti sehari}}$

: $\frac{24.0 \text{ mhr /ha}}{6 \text{ jam}}$

= 4 hari /ha

ini bermakna untuk menyempurnakan kerja memotong rumput di kawasan lapang menggunakan mesin sandang (*blade*) dengan seorang pekerja bagi keluasan 1 hektar mengambil masa selama 4 hari

Contoh 3 – Pemotongan rumput dengan kadar produktiviti seperti berikut;

Bidang /Skop Kerja	Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
			Bil. Pekerja	Masa	
<p>Memotong rumput Ketinggian potongan tidak lebih 25mm dari tanah dan kawasan dibersihkan</p>	<p>iii. Bahu, pembahagi, pinggir jalan (anggaran kelebaran 1.0m)</p>	<p>Mesin sandang (tangsi)</p>	<p>1 orang pekerja</p>	<p>24.0 saat/m²</p>	

Jika seseorang pekerja diarah memotong rumput di bahu jalan sepanjang 1km dengan anggaran kelebaran bahu jalan 1.0m maka masa diperlukan untuk menyiapkan tugas tersebut adalah;

- i. Kadar produktiviti : 1 km (1000m) X 1m = 1000 m²
- ii. Tempoh masa bekerja sehari : 24.0 saat /m²
- iii. Tempoh masa produktif sehari : 1000 m² X 0.4 minit /m²

= 400 minit bersamaan 6.7 jam atau lebih kurang 1 hari bekerja ini bermakna untuk menyempurnakan kerja memotong rumput di bahu jalan sepanjang 1km dengan anggaran kelebaran bahu jalan 1.0m menggunakan mesin sandang (tangsi) dengan seorang pekerja mengambil masa selama 400 minit bersamaan 6.7 jam atau lebih kurang 1 hari bekerja

Contoh 4 – Kerja-kerja merumpai dan menggembur dengan kadar produktiviti seperti berikut;

Kawasan	Mesin /Alat /Kaedah	Pengukuran		Catatan
		Btl. Pekerja	Masa	
iii. Bahu, pembahagi, pinggir jalan (anggaran kelebaran 1.0m)	Mesin sandang (tangsi)	1 orang pekerja	24.0 saat /m ²	

Bidang /Skop Kerja

Kerja-kerja merumpai dan menggembur Untuk Pokok Teduhan dan Palma

Membersihkan rumpai dan merumpai perlu dibuat pada jejari minimum 500mm dari pangkal pokok dan tanah perlu digemburkan pada kedalaman 50mm (rujuk Rajah 1a dan 1b). Secara manual dimana semua rumpai, sampah, bahan buangan dan lain-lain bahan perlu dibuang semasa membuat kerja merumpai. Rumpai perlu dicabut atau ditarah untuk membuang akarnya. Masukkan rumpai dan semua bahan buangan ke dalam beg plastik dan membuangnya di kawasan yang ditetapkan. Mengemas semula kawasan dengan memastikan kawasan bersih daripada sebarang kotoran

- i. Kadar produktiviti
 - ii. Anggaran masa berjalan antara rumpun palma : 5.0 minit / rumpun
 - iii. Tempoh masa kerja setiap rumpun : 1.0 minit
 - iv. Bilangan rumpun palma yang boleh diusahakan dalam masa 1 jam : 6.0 minit / rumpun
 - v. Bilangan rumpun palma yang boleh diusahakan dalam tempoh sehari : 10 rumpun / jam
- = 60 rumpun / hari – Ini bermakna seorang buruh sepatutnya boleh melakukan kerja-kerja merumpai dan menggembur untuk sekurang-kurangnya 60 rumpun palma dalam masa sehari

PANDUAN PENGIRAAN KOS UNTUK KERJA MEMANGKAS, MELUPUS POKOK DAN MELUPUS TUNGGUL

Dalam menetapkan kos untuk melaksanakan kerja-kerja pemangkasan berdasarkan Plawaian Produktiviti Penyelenggaraan Landskap yang telah dibangunkan, penetapannya ditentukan oleh tenaga kerja yang terlibat, mesin, peralatan atau jentera yang digunakan dalam operasi, lain-lain kos yang terlibat seperti penyelenggaraan peralatan serta *tipping fee* yang dikenakan untuk melupus sisa cantasan dan juga keuntungan kepada kontraktor yang menjalankan tugas. Berdasarkan faktor-faktor penentu yang digariskan di atas, formula pengiraan berikut boleh mengambatkan kos untuk melaksanakan operasi pemangkasan pokok teduhan:

$$\text{Kos Pemangkasan} = L + TM + ETC + B$$

Carta 1 : Nota

- L** Kos buruh terdiri dari gaji harian penyelia dan pekerja dikira bagi setiap pokok
- TM** Kos sewaan harian mesin, peralatan dan jentera seperti *chain saw*, lori, *skylift* dan *wood chipper* dikira untuk setiap pokok. Kos sewaan mestilah termasuk kos untuk bahan api dan gaji operator atau pemandu jentera yang disewa
- ETC** Lain-lain kos yang dikenakan seperti penyelenggaraan peralatan dan *“tipping fee”* dll
- B** Keuntungan kepada kontraktor dikira dari jumlah kos di atas. Peratusan keuntungan antara 25% adalah munasabah

Contoh 5 – Kerja-kerja memangkas pokok teduhan – pemangkasan pembersihan dengan kadar produktiviti seperti berikut;

